



ANALISIS FAKTA SIRAH BERKAITAN KELAHIRAN DAN KEWAFATAN NABI SAW DALAM BUKU TEKS PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN SATU BERDASARKAN MANHAJ AL-MUHADDITHĪN

(An Analytical Examination of the Sirah Narratives Pertaining to the Birth and Death of the Prophet Muhammad (PBUH) in the Form One Islamic Education Textbook in Malaysia, Based on the Manhaj al-Muḥaddithīn Approach)

Fadzlan Abd Kadir¹, Roshimah Shamsudin²

^{1,2} Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

Article Progress

Received: 22 September 2024

Revised: 04 October 2024

Accepted: 4 November 2024

*Corresponding Author:

Roshimah Shamsudin.

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

Email:

roshimah@usm.my

Abstract

This study is predicated, among other things, on the disclosure of mistakes related to the sirah of Prophet PBUH, which can be partly attributed to a lack of adherence to the strict method of criticism. Furthermore, several prior analyses and critiques of textbooks demonstrate that there is no guarantee that textbooks are error-free, even when it comes to the subject of sirah. Therefore, this study attempts to analyze the facts of the sirah related to the birth and death of the Prophet PBUH using the muḥaddithīn's methodology as a reliable method. The study focuses on the content of sirah in the Form One Islamic Education textbook. The method for data collection employed in this study was library research. The data was then analyzed using the inductive and comparative methods, as well as the method of the muḥaddithīn. The study discovered that the facts concerning the birth and death of the Prophet Muhammad (PBUH) vary, based on authentic hadiths, well-known opinions, agreed-upon facts, as well as facts that lack support from authentic hadiths. Furthermore, certain narrations are accepted even though they are not backed up by an authentic narrative when there is consensus among the scholars. Additionally, the study discovered that the analysis of the facts in the textbook yielded results that indicated both a high degree of factual accuracy and some facts that needed to be reviewed and corrected. These findings call for the attention and action of pertinent parties to guarantee the highest standards of education.

Keywords: Facts of the sirah, birth of the Prophet (PBUH), Islamic Education Textbook, manhaj al-muhaddithin.

PENDAHULUAN

Perjalanan hidup Rasulullah SAW sebagai Nabi akhir zaman sentiasa menjadi perhatian umat manusia.¹ Dunia menyaksikan keagungan kisah dakwah Baginda SAW yang dirakamkan dalam penulisan-penulisan riwayat hidup Baginda SAW. Sebagai umat Islam, menelusuri kisah dan riwayat hidup Baginda SAW memiliki nilai dan erti yang sangat besar dalam kehidupan. Menurut Muṣṭafā al-Sibā‘iy (w. 1384H) dalam kitabnya *al-Sīrah al-Nabawiyah: Durūs wa ‘Ibar*, antara keistimewaan yang terkandung dalam sirah Nabi SAW ialah ia merupakan sejarah yang paling sahih dan disampaikan melalui jalan ilmu yang paling benar. Selain itu, sirah Rasulullah SAW memperlihatkan perjalanan seorang insan yang dimuliakan oleh Allah SWT dengan sifat kerasulan tanpa terkeluar sedikit pun dari sifat seorang manusia biasa dalam keadaan tiada suatu apa pun yang mencemarkan kemuliaan peribadi Baginda SAW. Bahkan sirah ini sendiri menjadi bukti yang jelas terhadap kebenaran kerasulan dan kenabian Baginda SAW.²

¹ ‘Abd al-Laṭīf, ‘Abd al-Syāfi‘ī Muḥammad (2008). *Al-Sīrah al-Nabawiyah wa al-Tārīkh al-Islāmiy*, Kaherah: Dār al-Salām, h. 18.

² Al-Sibā‘iy, Muṣṭafā (1985). *Al-Sīrah al-Nabawiyah: Durūs wa ‘Ibar*, Beirut: Al-Maktab al-Islāmiy, h. 15-23.

Lantaran besarnya keistimewaan sirah Nabi SAW, kepentingan dan keutamaan mempelajarinya juga tidak dapat dinafikan lagi. Sa'īd Ramaḍān al-Būtiy (w. 1434H) dalam kitab *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah* menjelaskan lima kepentingan mempelajari sirah. Antaranya ialah mengenali peribadi Rasulullah SAW, mengetahui contoh teladan terbaik dalam setiap urusan kehidupan, membantu memahami kitab Allah dan meningkatkan kemampuan memahami ilmu berkaitan akidah, hukum dan akhlak.³ Justeru, para sahabat dan *salaf al-ṣāliḥ* sangat mengambil berat terhadap sirah Rasulullah SAW. Mereka mempelajari sirah, menghafal dan mengajarkan kepada anak-anak mereka sebagaimana mereka mengajarkan surah-surah dalam al-Quran.⁴

Pentingnya ilmu sirah bukan sahaja mendorong para ulama mengambil usaha untuk mengumpulkan riwayat sirah dan menulis ilmu sirah, malah inisiatif turut diambil untuk memurnikan penulisan sirah. Usaha pemurnian sirah dari sudut memastikan kesahihannya adalah sangat penting supaya ummah dapat melihat perjalanan hidup Nabi Muhammad SAW dalam gambarannya yang sebenar. Hal ini demikian kerana terdapat fakta-fakta yang terkandung dalam penulisan sirah yang tidak terlepas daripada kesilapan dan kesalahan. Menurut Muḥammad bin Ṣāmil al-Salmiy, terdapat banyak penyelewengan dan kesalahan dalam sejarah Islam secara umumnya. Sebahagian daripada punca berlakunya penyelewengan dan kesalahan ini kemungkinan disebabkan terdapatnya niat buruk dan keinginan untuk menyeleweng dalam kalangan musuh Islam. Sebahagian yang lain pula kemungkinan berpunca daripada tidak berlitzam dengan *uṣūl manhaj* dalam pemikiran dan persepsi, serta *uṣūl manhaj* dalam mengkritik dan mentahkik.⁵

Menurut Akram Dİyā' al-'Umari, manhaj yang digunakan oleh para ulama dalam penulisan sirah boleh dibahagikan kepada tiga. Pertama, bentuk penulisan ahli sejarah yang mengutamakan penyusunan peristiwa sejarah berdasarkan masa dan tajuk seperti yang dilakukan oleh al-Wāqidiy (w. 207H) dan al-Balādhuriy (w. 279H). Kedua, bentuk penulisan golongan *muḥaddithīn* seperti al-Bukhāriy (w. 256H) dan Muslim (w. 261H) dalam kitab-kitab *ṣaḥīḥ* mereka. Ketiga, bentuk penulisan yang menggabungkan manhaj ahli sejarah dan manhaj golongan *muḥaddithīn* seperti yang dilakukan oleh Muḥammad bin Ishāq (w. 151H), Khalīfah bin Khayyāṭ (w. 240H), Ya'qūb bin Sufyān (w. 277H) dan Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabariy (w. 310H).⁶

Ini memperlihatkan bahawa terdapat pelbagai manhaj penulisan sirah yang diikuti oleh para ulama selain daripada manhaj *muḥaddithīn* yang amat memelihara kesahihan riwayat. Bagi mengatasi masalah kesilapan dan kesalahan dalam ilmu sirah, al-Salmiy mencadangkan dua perkara penting yang perlu dilakukan iaitu mentahkik riwayat sejarah berdasarkan neraca kritikan yang diikuti oleh golongan *muḥaddithīn*, dan merumuskan sejarah Islam dan pengajarannya berdasarkan tasawwur Islam yang benar.⁷ Usaha ini memerlukan pengetahuan yang jelas terhadap manhaj *muḥaddithīn* dalam melakukan kritikan terhadap riwayat sejarah.

Justeru, artikel ini membincangkan fakta sirah yang terdapat dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu dalam konteks kelahiran dan kewafatan Nabi SAW. Dengan ini, diharapkan gambaran yang lebih jelas mengenai status fakta berkaitan kelahiran dan kewafatan Nabi SAW berdasarkan *manhaj al-muḥaddithīn* dapat diberikan.

³ Al-Būtiy, Muḥammad Sa'īd Ramaḍān (2004), *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*. Kaherah: Dār al-Salām, h. 15-16.

⁴ Abū Syahbah, Muḥammad bin Muḥammad (1992). *Al-Sīrah al-Nabawiyah fī Dau'I al-Qur'ān wa al-Sunnah*, Damsyik: Dār al-Qalam, j.1, h. 8.

⁵ Al-Salmiy, Muḥammad bin Ṣāmil (2008). *Manhaj Kitābah al-Tārīkh al-Islāmiy*, Riyadh: Dār Ibn al-Jawziy, h. 13-14.

⁶ Al-'Umariy, Akram Dİyā' (1994). *Al-Sīrah al-Nabawiyah al-Ṣaḥīḥah*, Madinah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Hikam, j.1, h. 11.

⁷ Al-Salmiy, *Manhaj Kitābah al-Tārīkh al-Islāmiy*, h. 14.

KEPENTINGAN *MANHAJ AL-MUHADDITHĪN* DALAM ANALISIS RIWAYAT SIRAH

Kepentingan sirah Nabi SAW menuntut umat Islam memberikan perhatian yang besar terhadapnya. Sebahagian manusia cenderung terhadap kisah-kisah yang asing dan pelik serta lebih condong ke arah sifat melampau dan menyeleweng. Keadaan ini menuntut ramai ulama berjuang dan menyeru kepada usaha membersihkan sirah Nabi SAW dengan mengaplikasikan manhaj para *muḥaddithīn*.⁸ Sejak permulaan tahun 60-an, telah mula kedengaran seruan daripada para pemikir Islam ke arah penulisan semula sejarah Islam berdasarkan tasawwur Islam dan *manhaj al-muḥaddithīn*.⁹

Menurut Akram Ḏiyā' al-'Umariy dalam kitab beliau *al-Sīrah al-Nabawiyyah al-Ṣaḥīḥah*, para *muḥaddithīn* memiliki manhaj tersendiri dalam mengkritik hadith dan mengenal pasti antara yang *sahīh* dan *da'īf*. Mengkaji sejarah berdasarkan manhaj *muḥaddithīn* bermaksud menggunakan manhaj *muḥaddithīn* tersebut untuk mengkritik riwayat-riwayat sejarah. Ini disebabkan riwayat-riwayat sejarah tersebut menyamai hadith-hadith daripada sudut terdapatnya sanad pada matan riwayat, sehingga para perawinya boleh dinilai berdasarkan ilmu *rijāl*.¹⁰

Muḥaddithīn boleh dianggap sebagai golongan yang mula-mula dan paling banyak menggunakan manhaj dalam periwayatan. Ini disebabkan kedudukan hadith yang sangat penting dalam Islam.¹¹ Gerak kerja atau manhaj kritikan ulama hadith terhadap riwayat-riwayat hadith secara umumnya berkisar kepada beberapa perkara iaitu kritikan ke atas sanad dan matan, kritikan ke atas para perawi berdasarkan ilmu *al-jarḥ* dan *al-ta'dīl* dan menentukan *ṣaḥīh* atau *da'īf* sesebuah hadith.¹² Manhaj ini tidak terkecuali terhadap riwayat sirah yang tersebar dalam pelbagai jenis penulisan para *muḥaddithīn* yang dianggap sebagai sebahagian daripada riwayat hadith.¹³

Justeru, menganalisis sirah Nabi SAW berdasarkan *manhaj al-muḥaddithīn* adalah suatu usaha yang sangat penting. Ini kerana selain daripada hadith-hadith Nabi SAW yang lain, ia juga merupakan sesuatu yang disandarkan kepada Baginda SAW melalui proses periwayatan. Sirah bukan sekadar mengandungi riwayat hidup Rasulullah SAW, bahkan diambil daripadanya banyak pengajaran dan hukum agama. *Manhaj al-muḥaddithīn* pula adalah suatu jalan diikuti oleh para ulama hadith, melalui panduan daripada al-Quran dan diwarisi daripada Rasulullah dan para sahabat. Menyedari ancaman terhadap fakta sirah disebabkan kesilapan dan menyeleweng menuntut para ilmuwan menganalisis ilmu sirah berdasarkan *manhaj al-muḥaddithīn*.

FAKTA SIRAH DALAM PENULISAN BUKU TEKS DI MALAYSIA

Dalam konteks pembelajaran sirah di Malaysia, ilmu sirah telah diterapkan kepada murid-murid dalam pendidikan formal sejak di tahun satu dan buku teks menjadi sumber utama pembelajaran bagi setiap subjek. Berkaitan fakta sirah, kritikan pernah dilakukan dalam sebuah video bertajuk, “Maulana Asri: Teguran suci dan jujur tentang kesilapan sirah dalam buku teks Pendidikan Islam Tahun Satu” yang dimuatkan di Youtube pada tahun 2015.¹⁴ Video tersebut adalah berkenaan dengan kesilapan yang terkandung dalam buku teks tahun satu ketika itu pada aspek tanda-tanda kelahiran Nabi Muhammad SAW. Beliau menegur tentang kewujudan kisah-kisah yang bersumber daripada riwayat-riwayat yang

⁸ Al-Khaḍīr, 'Abd al-Karīm bin 'Abdullāh (2004). *Al-Ḥadīth al-Da'īf wa Ḥukm al-Iḥtijāj bih*, Riyad: Maktabah Dār al-Manhaj, h. 314.

⁹ Al-'Umariy, *al-Sīrah al-Nabawiyyah al-Ṣaḥīḥah*, j. 1, h. 29.

¹⁰ Al-'Umariy, *al-Sīrah al-Nabawiyyah al-Ṣaḥīḥah*, j. 1, h. 38-39.

¹¹ Al-A'ẓamīy, Muḥammad Muṣṭafā (1990). *Manhaj al-Naqd 'inda al-Muḥaddithīn*, Arab Saudi: Maktabah al-Kawthar, h. 41.

¹² Aḥmad Jabar Mazhar, 'Abd al-Ghaniy (1996). *Al-Uṣūl al-'Āmmah li Manāhij al-Muḥaddithīn*, Riyād: Jāmi'ah al-Malīk Su'ūd, h. 29.

¹³ Menurut al-Ḥākim, mengetahui *maghāziy* Rasulullah SAW merupakan sebahagian daripada ilmu-ilmu hadith. Lihat al-Ḥākim al-Naysābūriy, Muḥammad bin 'Abdullāh (2003). *Ma'rīfah 'Ulūm al-Ḥadīth wa Kamiyyah Ajnāsih*, Aḥmad bin Fāris al-Salūm (t.). Beirut: Dār Ibn Ḥazm, h. 636.

¹⁴ Youtube, <https://www.youtube.com>, 11 May 2015.

palsu berhubung dengan peristiwa kelahiran Nabi Muhammad SAW. Ini menunjukkan bahawa penulisan buku teks juga terdedah kepada kesilapan.

Tinjauan awal oleh pengkaji mendapati sirah Nabi SAW dalam buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu turut mengandungi fakta yang diperselisihkan, khususnya dalam kalangan ulama mutakhir ini. Contohnya adalah isu berkaitan tarikh kelahiran Rasulullah SAW yang dinyatakan sebagai 12 *Rabī' al-Awwal* tahun Gajah, bersesuaian dengan riwayat Ibn Ishāq.¹⁵ Tarikh kelahiran Rasulullah SAW ini tidak disepakati oleh para ulama. Ibn Kathīr (w. 774H) dalam kitab sirah beliau telah menukilkan beberapa pendapat berkenaan dengan tarikh kelahiran Baginda SAW iaitu pada 2, 8, 10, 12, 17 dan hari kelapan terakhir dari bulan *Rabī' al-Awwal*. Beliau menyatakan bahawa pandangan yang masyhur menurut jumhur adalah pada 12 *Rabī' al-Awwal*¹⁶. Al-Mubārakfūriy (w. 1427H) dalam kitab beliau *al-Rahīq al-Makhtūm* pula memilih pendapat 9 *Rabī' al-Awwal* Tahun Gajah sebagai tarikh kelahiran Baginda SAW berdasarkan perkiraan seorang ahli falak iaitu Maḥmūd Bāsyā.¹⁷ Wujudnya kepelbagaiannya pendapat berkaitan tarikh kelahiran tersebut menjelaskan bahawa tarikh kelahiran Nabi SAW bukan suatu fakta yang disepakati. Ini menunjukkan tentang terdapatnya keperluan untuk menganalisis fakta-fakta sirah Nabi SAW dalam buku teks ini bagi menjelaskan statusnya dari sudut pandang golongan *muḥaddithīn*.

Antara penambahbaikan yang boleh dilakukan adalah melakukan semakan terhadap fakta-fakta yang terkandung dalam buku teks. Sebagai sebahagian daripada ilmu periyawatan, semakan ke atas fakta-fakta sirah menggunakan manhaj *muḥaddithīn* adalah antara langkah yang berkesan dalam menilai status riwayat.

LATAR BELAKANG BUKU TEKS PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN SATU SECARA RINGKAS

Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu yang diterbitkan pada tahun 2016 dapat dibahagikan kepada tujuh bidang iaitu al-Quran, Hadith, Akidah, Fiqah, Sirah dan Akhlak Islamiyyah. Menurut kenyataan panel penulis, matlamat penyusunan dan penulisan buku ini adalah sebagaimana berikut:

*"Isi kandungan disusun sedemikian rupa untuk mencapai matlamat Pendidikan Islam KSSM iaitu membina dan membentuk hamba dan khalifah Allah yang berilmu, bertakwa, beramal soleh, berakhhlak mulia dan berketerampilan berdasarkan acuan al-Quran dan al-Sunnah serta menyumbang ke arah meningkatkan tamadun bangsa dan negara serta kesejahteraan alam demi mencapai kejayaan dunia dan akhirat."*¹⁸

Berdasarkan petikan di atas, penulisan buku teks ini jelas bermatlamatkan untuk menghasilkan murid yang berilmu dan berakhhlak berteraskan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Antara keistimewaan buku teks ini sebagaimana yang dinyatakan dalam halaman pendahuluan adalah; 1. Terdapatnya halaman rangsangan di permulaan setiap bidang; 2. Persembahan yang menarik berdasarkan gabungan teks, tulisan dan grafik yang sesuai; 3. Mengandungi nota guru yang memberikan cadangan kaedah pengajaran; 4. Terdapat cadangan aktiviti yang diselitkan antara unit; 5. Penerapan Elemen Merentas Kurikulum (EMK); 6. Terdapat penyendal yang berbentuk "Kunci Ilmu", "Cetusan Minda" dan "Galeri Kata" dan; 7. Teknologi kod QR yang disambungkan kepada audio, video dan maklumat tambahan yang berkaitan dengan isi pembelajaran.¹⁹ Oleh itu, fakta yang dihidangkan kepada murid tidak hanya

¹⁵ Ibn Hisyām, 'Abd al-Malik (2009). *Al-Šīrah al-Nabawiyyah li Ibn Hisyām*, Beirut: Dār Ibn Ḥazm, c. 2, h. 76.

¹⁶ Ibn Kathīr, Ismā'īl bin 'Umar (1997). *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, Beirut: Dār Hīr, j. 3, h. 374-376.

¹⁷ Al-Mubārakfūriy, Safiyy al-Rahmān (2007). *Al-Rahīq al-Makhtūm*, Qatar: Wizārah al-Auqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, h. 54.

¹⁸ Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. v. Matlamat yang dinyatakan ini merupakan matlamat yang digariskan oleh KPM melalui BPK dalam DSKP yang disediakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan Satu. Lihat Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam, Tingkatan Satu KSSM*, Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, h. 2.

¹⁹ KPM (2016). Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu, h. v.

terkandung dalam isi utama, tetapi juga dimuatkan dalam bentuk nota dan grafik seperti penyendal “Kunci Ilmu” dan “Cetusan Minda”.

Bidang sirah yang menjadi fokus analisis dalam buku teks ini terbahagi kepada tiga pecahan tajuk iaitu Riwayat Hidup Nabi Muhammad SAW, Era Masyarakat Jahiliah dan Keagungan Perjuangan *Khulafā’ al-Rāsyidīn*.²⁰ Perbahasan ilmu sirah dihidangkan dalam bentuk fakta-fakta yang agak padat, ringkas dan umum sementara sebahagian fakta-fakta dipersembahkan dalam bentuk jadual dan isi-isi penting. Bermula daripada fakta-fakta berkaitan biodata diri Nabi SAW sehingga kepada peristiwa kewafatan Baginda, penulisan sirah dalam buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu ini memberikan gambaran menyeluruh kehidupan Baginda sebagai satu asas kepada pembelajaran sirah peringkat menengah.

ANALISIS FAKTA SIRAH KELAHIRAN DAN KEWAFATAN NABI SAW DALAM BUKU TEKS PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN SATU BERDASARKAN *MANHAJ AL-MUHADDITHĪN*

Analisis berdasarkan *manhaj al-muḥaddithīn* merupakan langkah yang ampuh dalam menilai riwayat-riwayat sirah. Pengkaji berusaha menganalisis buku teks berdasarkan *manhaj al-muḥaddithīn* dengan memfokuskan bidang sirah sebagai suatu bidang yang mempunyai kaitan dengan ilmu riwayat. Gerak kerja menganalisis fakta-fakta ini dilakukan melalui beberapa langkah iaitu:

- i. Mengumpulkan riwayat-riwayat yang berkaitan dengan fakta dan menjelaskan status riwayat-riwayat tersebut dengan meneliti kritikan para *nuqqād* atau melakukan kritikan terhadap sanad sekiranya perlu.
- ii. Menganalisis status kesahihan fakta sirah yang dikaji berdasarkan riwayat-riwayat yang telah dikumpulkan.
- iii. Merumuskan status kesahihan fakta sirah yang dikaji berdasarkan hasil analisis yang telah dilakukan.

Daripada gerak kerja analisis yang telah digariskan ini, dapat dilihat terdapatnya langkah pengumpulan sumber daripada hadith-hadith dan penilaian ke atasnya dan ia merupakan suatu aktiviti *takhrīj*. Justeru daripada aspek ini, analisis fakta sirah ini mengaplikasikan ‘ilm al-takhrīj yang merupakan antara metode para *muḥaddithīn* dalam melakukan semakan terhadap hadith-hadith. Menurut ‘Amrū ‘Abd al-Mun‘im Salīm, gerak kerja *takhrīj* terdapat pelbagai bentuk bergantung kepada tujuan sesuatu *takhrīj* itu dilakukan. Antara tujuan *takhrīj* dilakukan adalah untuk memeriksa sesebuah penulisan atau nas, memeriksa sanad hadith, memeriksa matan hadith sama ada sahih atau tidak, menetapkan kesahihan matan sebagai dalil bagi ilmu fiqah atau akidah, menetapkan kelemahan matan, menetapkan kelemahan sanad atau sekadar untuk tujuan pembelajaran. Tidak kesemua tujuan *takhrīj* ini memerlukan kepada pengumpulan kesemua jalan periwayatan. Jika matlamat *takhrīj* hanya sekadar memeriksa kesahihan matan sebagai dalil kepada sesebuah masalah fiqah atau akidah, memadai bagi pengkaji untuk mendatangkan riwayat yang sahih sahaja dalam masalah tersebut. Sebaliknya jika ingin menetapkan kelemahan atau kecacatan sesebuah hadith, maka perlulah membawakan keseluruhan jalan periwayatan.²¹

Bagi kajian ini, matlamat pengkaji adalah memeriksa kesahihan fakta sirah dengan melakukan pencarian terhadap sumber-sumber periwayatan dan kedudukan riwayat-riwayat. Berdasarkan matlamat ini, usaha *takhrīj* dianggap sudah memadai jika terdapat riwayat yang kuat yang menyokong sesebuah fakta tanpa perlu membawakan kesemua riwayat yang berkaitan dengan fakta. Namun sekiranya tidak terdapat riwayat yang sahih yang menyokong fakta, pengkaji berusaha membawakan

²⁰ *Ibid*, h. 141-160.

²¹ Salīm, ‘Amr ‘Abd al-Mun‘im (2009). *Taysīr Takhrīj al-Āhādīt li al-Mubtadi’īn*, Riyadh: Dār Ibn al-Qayyim, h. 12.

lebih banyak riwayat yang berkaitan dan pandangan-pandangan ulama agar status fakta dapat dianalisis dengan lebih jelas.

Fakta-fakta sirah dalam buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu berkaitan dengan biodata Nabi SAW dari sudut kelahiran dan kewafatan serta analisis terhadapnya dipecahkan kepada dua bahagian seperti berikut:

1. Tarikh dan tempat lahir Nabi SAW

Fakta dalam buku teks:

Tarikh dan tempat lahir: 12 Rabī' al-Awwal, Tahun Gajah, di Makkah.

Fakta ini dibawakan dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu bawah tajuk Biodata Nabi SAW.²²

Huraian Fakta: Fakta ini menyatakan bahawa tarikh lahir Nabi SAW adalah pada 12 Rabī' al-Awwal dalam tahun Gajah dan tempat kelahiran Baginda SAW adalah di Makkah.

Pengumpulan Riwayat dan Statusnya: Fakta ini boleh dibahagikan kepada tiga iaitu kelahiran Rasulullah SAW pada 12 Rabī' al-Awwal, kelahiran Rasulullah SAW pada tahun Gajah, dan kelahiran Rasulullah SAW di Makkah. Terdapat beberapa hadith yang berkaitan dengan fakta-fakta ini iaitu:

1. Hadith riwayat Jābir bin ‘Abdillāh (w. 78H) dan Ibn ‘Abbās RA:

قَالَ: "وَلِدَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامَ الْفَيلِ، يَوْمَ الْإِثْنَيْنِ الثَّانِي عَشَرَ مِنْ رَبِيعِ الْأَوَّلِ، وَفِيهِ بُعْثٌ، وَفِيهِ عُرْجَ بِهِ إِلَى السَّمَاءِ، وَفِيهِ هَاجَرَ وَفِيهِ مَاتَ" ²³

Maksudnya: Jābir dan Ibn ‘Abbās berkata: Nabi SAW dilahirkan pada tahun Gajah, hari Isnin, 12 Rabī' al-Awwal, padanya Baginda SAW diutuskan, padanya Baginda SAW diangkat ke langit, padanya Baginda SAW berhijrah dan padanya Baginda SAW wafat.

Hadith ini menyatakan bahawa Nabi SAW dilahirkan pada tahun Gajah, hari Isnin bersamaan dengan 12 Rabī' al-Awwal. Menurut hadith ini lagi, pada hari ini juga Nabi diutuskan, diangkat ke langit dalam peristiwa Isrā' dan Mi'rāj, berhijrah ke Madinah dan meninggal dunia.

Hadith ini dinukilkan oleh Ibn Kathīr dalam *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* daripada Ibn Abī Syaybah (w. 235H) dengan sanad beliau daripada ‘Uthmān, daripada Sa‘īd bin Mīnā, daripada Jābir dan Ibn ‘Abbās. Namun Ibn Kathīr menyatakan bahawa sanad hadith ini terputus.²⁴ Walaupun dalam *al-Bidāyah* dinyatakan bahawa hadith ini dikeluarkan oleh Ibn Abī Syaybah dalam kitabnya *al-Muṣannaf*, namun pengkaji tidak menemuinya dalam kitab tersebut sebagaimana dinyatakan juga oleh ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Muhsin selaku pentahkik kitab.²⁵ Pengkaji juga tidak menemui sebarang kritikan oleh mana-mana *nuqqād* yang lain berhubung status hadith ini.

Pengkaji mendapati bahawa hadith ini turut diriwayatkan oleh al-Juraqāniy (w. 543H) dalam *al-Abāṭil wa al-Manākīr* dengan matan yang sama dan penambahan dalam sanad. Beliau meriwayatkan daripada Muḥammad bin Ṭāhir, daripada Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad, daripada Īsā bin ‘Aliy bin ‘Aliy bin ‘Īsā secara *imlā*, daripada ‘Abdullāh bin Muḥammad bin ‘Abd al-‘Azīz al-Baghawiy, daripada Abū

²² KPM (2016). Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu, h. 142.

²³ Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, j. 4, h. 270.

²⁴ *Ibid.*

²⁵ *Ibid.*, j. 3, h. 375.

Bakr bin Abī Syaybah, daripada ‘Affān, daripada Salīm bin Ḥayyān, daripada Sa‘īd bin Mīnā, daripada Jābir bin ‘Abdillāh al-‘Anṣāriy dan ‘Abdullāh bin ‘Abbās.²⁶

Hadith yang diriwayatkan oleh Juraqāniy ini juga melalui jalan Ibn Abī Syaybah. Melihat kepada sanad ini, pengkaji berpandangan bahawa terputusnya sanad yang dimaksudkan oleh Ibn Kathīr sebelum ini adalah pada ‘Uthmān yang meriwayatkan daripada Sa‘īd bin Mīnā. Ini disebabkan berdasarkan carian, tidak terdapat murid Sa‘īd bin Mīnā yang bernama ‘Uthmān, sementara Salīm bin Ḥayyān yang terdapat dalam sanad al-Juraqāniy merupakan salah seorang yang meriwayatkan daripada beliau.²⁷ ‘Affān yang terdapat dalam sanad al-Juraqāniy sememangnya meriwayatkan daripada Salīm bin Ḥayyān dan nama beliau adalah ‘Affān bin Muslim²⁸ sementara *kunyah* beliau ialah Abū ‘Uthmān.²⁹ Pengkaji melihat kemungkinan ‘Uthmān dalam sanad yang dinukilkhan oleh Ibn Kathīr ialah Abū ‘Uthmān iaitu ‘Affān yang terdapat dalam sanad al-Juraqāniy, yang meriwayatkan daripada Salīm bin Ḥayyān, daripada Sa‘īd bin Mīnā. Dengan ini, riwayat oleh al-Juraqāniy ini telah melengkapkan sanad yang dinukilkhan oleh Ibn Kathīr.

Dari aspek status perawi, ‘Affān bin Muslim,³⁰ Salīm bin Ḥayyān³¹ dan Sa‘īd bin Mīnā³² adalah merupakan para perawi *thiqah* dan zahir sanadnya adalah bersambung kerana masing-masing merupakan guru dan murid. Sa‘īd bin Mīnā meriwayatkan hadith ini daripada dua orang sahabat RA iaitu Jābir dan Ibn ‘Abbās. Namun, ini belum mengambil kira status salasilah sanad daripada al-Juraqāniy kepada Ibn Abī Syaybah.

Dalam sanad ini, al-Juraqāniy meriwayatkan hadith ini daripada Muḥammad bin Tāhir bin ‘Aliy (w. 507H),³³ daripada Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad (w. 576H),³⁴ daripada ‘Isā bin ‘Aliy bin ‘Aliy bin ‘Isā (w. 391H),³⁵ daripada ‘Abdullāh bin Muḥammad al-Baghawiy (w. 317H),³⁶ dan daripada Ibn

²⁶ Al-Juraqāniy, *Al-Abāṭil wa al-Manākīr*, j. 1, h. 267.

²⁷ Al-‘Asqalāniy, Aḥmad bin ‘Aliy bin Hajar (2014). *Tahdhīb al-Tahdhīb*, Ibrāhīm al-Zībaq dan ‘Ādil Mursyid (t.), Beirut: Mu’assasah al-Risālah, j. 2, h. 47.

²⁸ *Ibid*, j. 2, h. 83.

²⁹ *Ibid*, j. 3, h. 117.

³⁰ Ibn Hajar, *Taqrīb al-Tahdhīb*, h. 681.

³¹ Dinyatakan *thiqah* oleh Aḥmad bin Ḥanbal dan disenaraikan oleh Ibn Ḥibbān dalam *al-Thiqāt*. Rujuk Ibn Hajar, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, j. 2, h. 82.

³² Seorang *tābi‘īn* dan dinyatakan *thiqah* oleh Yaḥyā bin Ma‘īn, Ibn Ḥibbān, Abū Dawūd dan al-Nasā’iy. Lihat *Ibid*, j. 2, h. 47.

³³ Beliau adalah Muḥammad bin Tāhir bin ‘Aliy Abū al-Faḍl al-Maqdisiy. Ibn ‘Asākir menukilkhan daripada Ismā‘īl bin Muḥammad bahawa Muḥammad bin Tāhir adalah seorang memiliki hafalan paling baik yang pernah beliau lihat. Abū Zakariyya bin Mandah mengatakan bahawa Ibn Tāhir adalah salah seorang *huffāz*, memiliki akidah yang baik, jalan yang lurus, *ṣadūq*, mengetahui antara yang sahih dan *saqīm*, banyak penulisan dan biasa dengan athar. Syirawayh mengatakan bahawa beliau adalah seorang yang *thiqah* dan *hāfiẓ*. Beliau meninggal pada tahun 507 hijrah menurut *Syujā‘ al-Dhuḥliy*. Lihat al-Dimasyqi, Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Abd al-Hādiy (1996). *Tabaqāt ‘Ulamā’ al-Ḥadīth*, Akram al-Būsyiy dan Ibrāhīm al-Zaybaq (t.), Beirut: Mu’assasah al-Risālah, j. 4, h. 13 – 17.

³⁴ Beliau adalah Abū Tāhir al-Silafiy menurut pentahkik. Lihat al-Juraqāniy, *Al-Abāṭil wa al-Manākīr*, j. 1, h. 267. Al-Dhahabiy menyatakan bahawa Abū Tāhir adalah seorang *hāfiẓ* dan *thiqah*. Beliau juga menggelarkan al-Silafiy sebagai *syaykh al-Islām* dan *ḥujjah*. Lihat al-Dhahabiy, *Mīzān al-I’tidāl*, j. 1, h. 155. Beliau dilahirkan pada tahun 475 hijrah dan meninggal pada tahun 576 hijrah. Lihat al-Dhahabiy, *Siyar A‘lām al-Nubalā’*, j. 21, h. 7.

³⁵ Pengkaji tidak menemui perawi bernama ‘Isā bin ‘Aliy bin ‘Aliy bin ‘Isā sebagaimana yang disebutkan dalam riwayat al-Juraqāniy. Namun pengkaji menemui perawi bernama ‘Isā bin ‘Aliy bin ‘Isā yang meriwayatkan daripada Abū al-Qāsim al-Baghawiy. Beliau adalah ‘Isā bin ‘Aliy bin ‘Isā bin Dāwūd bin al-Jarrāḥ al-Baghdādiy. Dilahirkan pada tahun 302 hijrah, dan meninggal dunia pada tahun 391 hijrah. Al-Khaṭīb al-Baghdādiy menyatakan bahawa beliau memiliki *thabit al-simā’* dan penulisan yang sahih. Lihat al-Dhahabiy, *Tārīkh al-Islām*, j. 8, h. 705.

³⁶ Beliau adalah Abū al-Qāsim ‘Abdullāh bin Muḥammad bin ‘Abd al-‘Azīz al-Baghawiy, disifatkan oleh al-Dhahabiy sebagai al-Ḥāfiẓ, al-Imām dan al-Ḥujjah. Dilahirkan pada tahun 214 hijrah. Al-Dāraqutniy ketika ditanya mengenai beliau menyatakan bahawa, beliau adalah *thiqah*, *jabal* dan *imām* daripada kalangan para *imām*. Beliau meninggal pada tahun 317 hijrah. Lihat al-Dhahabiy, *Siyar A‘lām al-Nubalā’*, j. 14, h. 440-455.

Abī Syaybah. Hasil kajian terhadap sanad ini didapatkan bahawa kesemua perawi ini adalah *thiqah* dan *dābiṭ*. Namun begitu, Ahmad bin Muhammad bin Ahmad iaitu Abū Tāhir al-Silafiy yang lahir pada tahun 475 hijrah tidak bertemu dengan ‘Isā bin ‘Aliy yang meninggal pada tahun 391 hijrah. Terputusnya sanad ini juga dapat dilihat daripada lafaz periwatan oleh Abū Tāhir iaitu secara *imlā*’ atau penulisan. Selain itu, al-Dhahabiy dalam *Mīzān al-I‘tidāl* menukilkan bahawa, Ahmad bin Ḥanbal ketika diberitakan bahawa Ibn Abī Syaybah meriwayatkan daripada ‘Affān, beliau menyuruh meninggalkan riwayat Ibn Abī Syaybah tersebut dan mengambil daripada orang lain.³⁷ Pengkaji tidak menemui pandangan ulama lain yang menjelaskan maksud kata-kata ini. Sanad hadith ini menurut pengkaji adalah *da’if* kerana terputus.

2. Hadith riwayat Ibn ‘Abbās RA:

38 قَالَ: وُلِدَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامَ الْفَيْلِ.

Maksudnya: Ibn ‘Abbās berkata, “Nabi SAW dilahirkan pada tahun Gajah.”

Hadith ini menyatakan bahawa Nabi SAW dilahirkan pada tahun Gajah. Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ḥākim dalam *al-Mustadrak* daripada Muḥammad bin Ya‘qūb (w. 346), daripada Muḥammad bin Ishaq al-Ṣaghāniy (w. 270H), daripada Ḥajjāj bin Muḥammad (w. 206H), daripada Yūnus bin Abī Ishaq (w. 159H), daripada ayahnya, daripada Sa‘īd bin Jubayr (w. 95H), daripada Ibn ‘Abbās. Beliau menyatakan bahawa hadith ini sahih mengikut syarat al-Bukhāriy dan Muslim. Ini diakui oleh al-Dhahabiy yang menyatakan dalam *al-Talkhīṣ* bahawa ia mengikut syarat Muslim.³⁹ Bahkan al-Dhahabiy turut meriwayatkan hadith ini dalam *Siyar A‘lām al-Nubalā'* dan menyatakan sahih.⁴⁰ Al-Ḥākim juga membawakan hadith ini melalui jalan Ḥumayd bin al-Rabī‘ (w. 258H) dengan lafaz “يَوْمَ الْفَيْلِ” dan menyatakan bahawa Ḥumayd berseorangan dalam meriwayatkan dengan lafaz tersebut.⁴¹ Sementara itu, Ibn Sa‘ad dalam *al-Ṭabaqāt* membawakan hadith ini yang diriwayatkan daripada Yaḥyā bin Ma‘īn (w. 233H) yang menjelaskan bahawa “يَوْمَ الْفَيْلِ” tersebut adalah “عَامَ الْفَيْلِ”.⁴² Al-Ṭahāwiyy (w. 321H) dalam *Syarḥ Musykil al-Āثار* juga meriwayatkan melalui jalan Yaḥyā bin Ma‘īn dengan lafaz “عَامَ الْفَيْلِ”.⁴³ Menurut al-Albāniy, yang lebih *rājiḥ* adalah “عَامَ الْفَيْلِ” kerana dinyatakan dalam banyak riwayat seperti riwayat oleh al-Bazzār (w. 292H), al-Ḥākim, al-Bayhaqiy dan Ibn ‘Asākir.⁴⁴

3. Hadith riwayat Qays bin Makhramah:

فَالَّذِي وُلِدَتْ أَنَا وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامَ الْفَيْلِ" وَسَأَلَ عُثْمَانَ بْنَ عَفَّانَ، قَبَّاثَ بْنَ أَشْيَمَ أَخَا بَنِي يَعْمَرَ بْنِ لَيْثٍ : أَنْتَ أَكْبَرُ أَمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ فَقَالَ: رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْبَرُ مِنِّي، وَأَنَا أَقْدَمُ مِنْهُ فِي الْمِيلَادِ، قَالَ: وَرَأَيْتُ حَدْقَ الْفَيْلِ أَخْضَرَ⁴⁵

Maksudnya: Beliau berkata, “Aku dan Rasulullah SAW dilahirakan pada tahun Gajah. ‘Uthmān bin ‘Affān bertanya Qabāth bin Asyyam, saudara lelaki keluarga Ya‘mar bin Layth, “Engkau lebih tua atau Rasulullah SAW”. Lalu beliau berkata, “Rasulullah SAW lebih besar daripada aku, dan aku lebih dahulu daripadanya lahir.” Dia berkata, “dan aku melihat tahi gajah yang hijau kebiruan.”

³⁷ Al-Dhahabiy, *Mīzān al-I‘tidāl*, j. 2, h. 490.

³⁸ Al-Ḥākim, *al-Mustadrak ‘Ala al-Ṣahīhayn*, j. 2, h. 658.

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ Al-Dhahabiy, *Siyar A‘lām al-Nubalā'*, j. 1, h. 33.

⁴¹ Al-Ḥākim, *al-Mustadrak ‘Ala al-Ṣahīhayn*, j. 2, h. 659.

⁴² Ibn Sa‘ad, *al-Ṭabaqāt al-Kabīr*, j. 1, h. 81.

⁴³ Al-Ṭahāwiyy, Ahmad bin Muḥammad (1994). *Syarḥ Musykil al-Āثار*, Syu‘ayb al-‘Arna’ūt (t.), Beirut: Mu’assasah al-Risālah, j. 15, h. 216.

⁴⁴ Al-Albāniy, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣahīhah*, j. 7, h. 433.

⁴⁵ Al-Tirmidhiy, *al-Jāmi‘ al-Kabīr*, j. 6, h. 13.

Hadith ini menceritakan bahawa Nabi SAW dilahirkan pada tahun Gajah. Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhiy dalam *al-Jāmi'*⁴⁶ Ahmad dalam *al-Musnad*,⁴⁷ al-Hākim dalam *al-Mustadrak*,⁴⁸ al-Tahāwiyy dalam *Syarḥ Musykil al-Āthār*⁴⁹ dan lain-lain. Namun lafaz oleh Ahmad, al-Hākim, al-Tahāwiyy dan lain-lain tidak menyebutkan tentang pertanyaan ‘Uthmān kepada Qabāt. Al-Tirmidhiy menyatakan bahawa hadith ini *ḥasan gharīb*, tidak diketahui melainkan melalui jalan Ibn Ishāq.⁵⁰ Al-Hākim pula menyatakan bahawa hadith ini sahih mengikut syarat Muslim namun tidak dikeluarkan.⁵¹ Syu‘ayb al-‘Arna’ūt menyatakan bahawa hadith ini *ḥasan*. Selain itu beliau menyatakan bahawa kelahiran Nabi SAW pada tahun Gajah telah *thābit* melalui lebih daripada seorang sahabat.⁵²

Analisis Fakta:

Tentang fakta tarikh kelahiran Nabi SAW pada 12 Rabī‘ al-Awwal, hadith pertama yang diriwayatkan oleh Jābir dan Ibn ‘Abbās memiliki sanad yang lemah kerana terputus sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Kathīr. Riwayat oleh al-Juraqāniy juga terputus kerana Abū Tāhir al-Silafiy tidak bertemu dengan perawi sebelumnya iaitu ‘Isā bin ‘Aliy al-Baghdādiy dan periwayatan beliau adalah secara *imlā*.

Dari aspek matan, ‘Abd al-Rahmān bin ‘Abd al-Jabbār selaku pentahkik kitab *al-Abāṭīl wa al-Manākīr* menyatakan bahawa lafaz “الثامن عشر” dalam riwayat tersebut disebut sebagai “” dalam dua naskhah cetakan yang lain.⁵³ Begitu juga yang berlaku dalam cetakan *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* yang lain sebagaimana yang disebutkan oleh pentahkik kitab iaitu ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkiy.⁵⁴ Ini menunjukkan kemungkinan berlakunya *taṣhīf* dalam penulisan riwayat atau sebarang kesilapan dalam periwayatan. Selain itu, hadith ini bercanggah dengan pendapat lain berkenaan bulan Nabi SAW diutuskan menjadi rasul. Hadith ini menyatakan bahawa pada 12 Rabī‘ al-Awwal ini Nabi SAW diutuskan sedangkan pendapat yang lebih masyhur menyatakan bahawa Nabi SAW diutuskan pada bulan Ramadan. Mereka berdalilkan ayat-ayat al-Quran yang menyatakan bahawa al-Quran diturunkan pada bulan Ramadan.⁵⁵

Berdasarkan keadaan sanad yang terputus, pengkaji berpandangan bahawa sanad riwayat ini adalah lemah. Oleh itu, dapat dilihat bahawa para ulama tidak bersepakat menetapkan tarikh kelahiran Nabi SAW pada 12 Rabī‘ al-Awwal, sebaliknya terdapat pelbagai pendapat ahli sirah dan *muhaddithīn* berkenaan tarikh kelahiran Nabi SAW. Namun begitu, pendapat yang menyatakan tarikh kelahiran Nabi SAW pada 12 Rabī‘ al-Awwal merupakan pendapat yang masyhur dalam kalangan ulama sebagaimana yang disebutkan oleh Ibn Kathīr.⁵⁶

Berkenaan dengan fakta kelahiran Nabi SAW pada tahun Gajah pula, hadith kedua iaitu hadith yang diriwayatkan oleh Sa‘īd bin Jubayr daripada Ibn ‘Abbās adalah *ṣahīḥ* munurut al-Hākim dan al-Dhahabiy. Ia juga disokong oleh hadith ketiga dengan sanad yang *ḥasan*. Dalam *al-Tabaqāt*, Khalīfah bin Khayyāt telah menyatakan kesepakatan para ulama tentang lahirnya Nabi SAW pada Tahun Gajah.⁵⁷ Al-Bayhaqiy menukilkan daripada Ibrāhīm bin al-Mundhir (w. 235H) bahawa para ulama tidak

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ Ibn Ḥanbal, *Musnad*, j. 29, h. 422.

⁴⁸ Al-Hākim, *al-Mustadrak ‘Ala al-Ṣahīḥayn*, j. 2, h. 659 dan j. 3, h. 516.

⁴⁹ Al-Tahāwiyy, *Syarḥ Musykil al-Āthār*, j. 15, h. 216.

⁵⁰ Al-Tirmidhiy, *al-Jāmi‘ al-Kabīr*, j. 6, h. 13.

⁵¹ Al-Hākim, *al-Mustadrak ‘Ala al-Ṣahīḥayn*, j. 2, h. 659.

⁵² Ibn Ḥanbal, *Musnad*, j. 29, h. 422-423.

⁵³ Al-Juraqāniy, *al-Abāṭīl wa al-Manākīr*, j. 1, h. 267. Antara cetakan kitab al-Bidāyah wa al-Nihāyah yang menyebutkan “” adalah cetakan oleh Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabiyy and cetakan oleh Maṭba‘ah al-Sa‘ādah.

⁵⁴ Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, j. 3, h. 375. Antaranya adalah *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* cetakan Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabiyy *taḥqīq* ‘Aliy Syīriy, j. 2, h. 320 dan *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* cetakan Maṭba‘ah al-Sa‘ādah, j. 2, h. 260.

⁵⁵ *Ibid.*, j. 4, h. 15.

⁵⁶ *Ibid.*, j. 3, h. 375.

⁵⁷ Al-‘Uṣfuriy, *Kitāb al-Tabaqāt*, h. 9.

meragui lagi Rasulullah SAW lahir pada Tahun Gajah dan diutuskan empat puluh tahun setelah Tahun Gajah.⁵⁸

Tentang tempat kelahiran Nabi SAW, pengkaji tidak menemui sebarang hadith yang berkaitan dengannya selain daripada pandangan para ulama. Antaranya, al-Azraqiy (w. 250H) menyatakan dalam kitab *Akhbār Makkah* bahawa rumah tempat kelahiran Nabi SAW adalah rumah Muḥammad bin Yūsuf (w. 100H)⁵⁹ iaitu abang kepada al-Ḥajjāj bin Yūsuf (w. 95H). Beliau mengatakan bahawa, “*Aku mendengar datukku dan Yūsuf bin Muḥammad, kedua-duanya menetapkan tentang kelahiran Nabi SAW, bahawa rumah tersebut tidak ada perselisihan lagi tentangnya pada sisi penduduk Makkah*”.⁶⁰ Perkataan al-Azraqiy ini menukilkan kesepakatan penduduk Makkah ketika itu tentang tempat kelahiran Nabi SAW di rumah Muḥammad bin Yūsuf dan ia terletak di Makkah.⁶¹ Pandangan ini juga disebutkan oleh para ulama lain seperti al-Zubayr (w. 256H),⁶² al-Mada’iniy (w. 225H),⁶³ al-Fākihiy (w. 353H)⁶⁴ dan al-Humaydiy (w. 488H).⁶⁵ Selain itu, dikatakan juga bahawa Baginda SAW lahir di *Syu'b Banī Hāsyim*.⁶⁶ Tempat-tempat ini terletak di Makkah. Pengkaji tidak menemui sebarang pendapat yang menyatakan kelahiran Nabi SAW di luar Makkah. Ibn Qayyim dalam *Zād al-Ma'ād* mengatakan bahawa tidak ada perselisihan tentang Nabi SAW dilahirkan di Makkah.⁶⁷

Rumusan:

Tarikh kelahiran Nabi SAW pada 12 Rabī' al-Awwal merupakan pendapat yang masyhur, namun tidak sahih kerana tidak terdapat satu pun dalil yang sahih dalam perkara ini. Ketiadaan dalil yang sahih ini menyebabkan para ulama memiliki pelbagai pendapat berkenaan. Sementara itu, fakta tentang tahun kelahiran Nabi SAW pada tahun Gajah merupakan suatu fakta yang disepakati, selain disokong oleh hadith yang memiliki sanad yang sahih dan riwayat yang pelbagai. Kelahiran Nabi SAW di Makkah pula tidak disokong oleh mana-mana hadith yang sahih, namun disepakati oleh para ulama walaupun terdapat perbezaan pendapat tentang tempat kelahiran tersebut secara terperinci.

⁵⁸ Al-Bayhaqiy, *Dalā'il al-Nubuwah*, j. 1, h. 79.

⁵⁹ Beliau adalah Muḥammad bin Yūsuf al-Thaqafiy, abang kepada al-Ḥajjāj. Beliau meninggal pada tahun keseratus atau sebelumnya. Beliau menjadi ‘Amīr ke atas Yaman. Lihat al-Ṣafadiy, Ṣalāḥuddin Khalīl bin Aybak (2000). *Al-Wāfi bi al-Wafayāt*, Ahmād al-‘Arna’ūt dan Turkiy Muṣṭafā (t.), Beirut: Dār ‘Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabiyy, j. 5, h. 158.

⁶⁰ Al-Azraqiy, Muḥammad bin ‘Abdullāh bin Ahmād (1983). *Akhbar Makkah*, Rusydiy al-Ṣāliḥ Malḥas (t.), Beirut: Dār al-Andalus, j. 2, h. 198-199.

⁶¹ Rumah ini asalnya adalah rumah ‘Aqīl bin Abī Ṭālib yang menduduki rumah ini setelah Nabi SAW berhijrah. Rumah ini kemudiannya diwarisi oleh anaknya dan akhirnya dibeli oleh Muḥammad bin Yūsuf al-Thaqafiy. Lihat al-Azraqiy, *Akhbar Makkah*, j. 2, h. 198.

⁶² Beliau adalah al-Zubayr bin Abī Bakr. Ibn ‘Abd al-Barr meriwayatkan daripada beliau dalam kitab *al-Iṣṭī‘āb* melalui jalan ‘Abdullāh bin Muḥammad bin Yūsuf, daripada Ahmād bin Muḥammad bin Ismā‘il, daripada Muḥammad bin al-Ḥasan al-Anṣāriy, dan daripada al-Zubayr. Lihat Ibn ‘Abd al-Barr, *al-Iṣṭī‘āb fī Ma‘rifah al-Āshāb*, j. 1, h. 22 dan 30. Al-Zubayr meninggal pada tahun 256 hijrah. Al-Khaṭīb mengatakan bahawa al-Zubayr seorang yang *thiqah* dan *thabit*, alim dalam ilmu nasab dan khabar orang terdahulu. Lihat Bakr bin ‘Abdullāh (1987). *Tabaqāt al-Nassābin*, Riyadh: Dār al-Rusyd, h. 64.

⁶³ Al-Balādhuriy, *Ansāb al-Asyrāf*, j. 13, h. 415.

⁶⁴ Beliau adalah Abū Muḥammad al-Fākihiy, ‘Abdullāh bin Muḥammad bin al-‘Abbās al-Makkīy. Wafat pada tahun 353 hijrah. Lihat *tahqīq* kitab al-Mālikiy, Muḥammad bin al-Farj al-Qurtubiy (2005). *Aqdīyah Rasūllillāh Ṣallallāh ‘Alayh wa Sallam*, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyy, h. 134.

⁶⁵ Al-Ja‘bāriy, Ibrāhīm bin ‘Umar bin Ibrāhīm (2000). *Rusūm al-Taḥdīth fī ‘Ulūm al-Hadīth*, Ibrāhīm bin Syarīf al-Mayliy (t.), Beirut: Dār Ibn Ḥazm, h. 202.

⁶⁶ Ibn ‘Abd al-Barr, *al-Iṣṭī‘āb fī Ma‘rifah al-Āshāb*, j. 1, h. 30.

⁶⁷ Ibn Qayyim, *Zād al-Ma‘ād*, j. 1, h. 59.

2. Kewafatan Nabi SAW

Peristiwa kewafatan Nabi SAW

Fakta dalam buku teks:

- Setelah sempurna menjalankan tugas sebagai Rasul, pada waktu Dhuha hari Isnin 12 Rabī‘ al-Awwal, tahun 11 hijrah, di rumah Sayyidatinā ‘Ā’isyah RA, Nabi Muhammad SAW dijemput kembali menemui Penciptanya. Berita duka kewafatan Nabi Muhammad SAW kekasih Allah SWT ini menggemparkan penduduk Madinah. Jasad Nabi Muhammad SAW yang mulia dimakamkan di rumah Sayyidatinā ‘Ā’isyah RA.

Fakta ini dibawakan dalam Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu bawah tajuk Kewafatan Rasulullah SAW.⁶⁸

Huraian Fakta: Fakta ini menjelaskan tentang waktu, tarikh, tahun dan tempat kewafatan Nabi SAW. Fakta ini juga menyatakan tentang keadaan ketika itu dan tempat Baginda SAW dimakamkan.

Pengumpulan Riwayat dan Statusnya: Berkaitan dengan fakta-fakta ini, terdapat beberapa hadith yang boleh diteliti iaitu:

1. Hadith riwayat Anas RA:

لَمَّا كَانَ الْيَوْمُ الَّذِي دَخَلَ فِيهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ، أَضَاءَ مِنْهَا كُلُّ شَيْءٍ، فَلَمَّا كَانَ الْيَوْمُ الَّذِي مَاتَ فِيهِ، أَظْلَمَ مِنْهَا كُلُّ شَيْءٍ، وَمَا نَفَضْنَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْأَيْدِي حَتَّى أَنْكَرَنَا قُلُوبَنَا. ⁶⁹

Maksudnya: Ketika hari Rasulullah SAW masuk ke Madinah, menerangi dengannya segala sesuatu, dan apabila tiba hari Baginda SAW wafat, gelap kerananya segala sesuatu, dan kami tidak melepaskan tangan kami daripada Nabi SAW sehingga hati kami mengingkarinya.

Hadith ini menceritakan suasana ketika Rasulullah SAW meninggal dunia sehingga disifatkan terasa gelap segala sesuatu. Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dalam *al-Jāmi'*,⁷⁰ Ibn Mājah dalam *al-Sunan*,⁷¹ Ahmad dalam *al-Musnad*,⁷² al-Bazzār dalam *al-Musnad*,⁷³ Abū Ya'lā dalam *al-Musnad*,⁷⁴ Ibn Ḥibbān dalam *al-Ṣaḥīḥ*,⁷⁵ al-Ājurriy dalam *al-Syarī'ah*,⁷⁶ dan al-Bayhaqiy dalam *Dalā'il al-Nubuwah*⁷⁷ manakala lafaz hadith oleh Ibn Mājah. Al-Tirmidhi mengatakan bahawa hadith ini *gharīb saḥīḥ*.⁷⁸

Syu‘ayb al-Arna’ūt et al. mengatakan bahawa hadith riwayat Ibn Mājah ini *saḥīḥ*, manakala sanad ini kuat kecuali pada Ja‘far bin Sulaymān, dan beliau memiliki *mutāba‘ah*, manakala kesemua perawi lain adalah *thiqah*.⁷⁹ Sementara itu dalam tahkiknya terhadap *Musnad Ahmad* pula, Syu‘ayb al-Arna’ūt et al. menyatakan bahawa para perawi hadith ini adalah perawi *al-Syaykhayn* kecuali Ja‘far bin Sulaymān, dan beliau adalah perawi Muslim.⁸⁰ Justeru, sanad hadith ini menurut pengkaji adalah *saḥīḥ*.

⁶⁸ KPM (2016). Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu, h. 149.

⁶⁹ Ibn Mājah, *al-Sunan*, j. 2, h. 554.

⁷⁰ Al-Tirmidhi, *al-Jāmi‘ al-Kabīr*, j. 6, h. 13.

⁷¹ Ibn Mājah, *al-Sunan*, j. 2, h. 554.

⁷² Ibn Ḥanbal, *Musnad*, j. 21, h. 330.

⁷³ Al-Bazzār, *al-Bahr al-Zakhkhār*, j. 13, h. 291.

⁷⁴ Abū Ya'lā, *Musnad Abī Ya'lā*, j. 5, h. 94.

⁷⁵ Ibn Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, j. 7, h. 767.

⁷⁶ Al-Ājurriy, *al-Syarī'ah*, j. 4, h. 1623.

⁷⁷ Al-Bayhaqiy, *Dalā'il al-Nubuwah*, j. 7, h. 265.

⁷⁸ Al-Tirmidhi, *al-Jāmi‘ al-Kabīr*, j. 6, h. 13.

⁷⁹ Ibn Mājah, *al-Sunan*, j. 2, h. 554.

⁸⁰ Ibn Ḥanbal, *Musnad*, j. 21, h. 330.

2. Hadith riwayat ‘Ā’isyah RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ماتَ وَأَبُو بَكْرٍ بِالسُّنْحِ - قَالَ إِسْمَاعِيلُ: يَعْنِي بِالْعَالِيَةِ - فَقَامَ عُمَرُ يَقُولُ: وَاللَّهِ مَا ماتَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَتْ: وَقَالَ عُمَرُ: وَاللَّهِ مَا كَانَ يَقْعُدُ فِي نَفْسِي إِلَّا ذَاكَ، وَلَيَبْعَثَنَّ اللَّهُ، فَلَيَقْطَعَنَّ أَيْدِي رِجَالٍ وَأَرْجُلَهُمْ. فَجَاءَ أَبُو بَكْرٍ فَكَشَفَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَبَّلَهُ، قَالَ: بِأَيِّ أَنْتَ وَأَمِّي، طَبِّتْ حِيَا وَمَيِّتًا، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا يُذِيقُ اللَّهُ الْمُؤْتَمِنِ أَبَدًا، ثُمَّ خَرَجَ فَقَالَ: أَيُّهَا الْخَالِفُ عَلَى رِسْلِكَ، فَلَمَّا تَكَلَّمَ أَبُو بَكْرٍ جَلَسَ عُمَرُ، فَحَمِدَ اللَّهَ أَبُو بَكْرٍ وَأَنْتَ عَلَيْهِ، وَقَالَ: أَلَا مَنْ كَانَ يَعْبُدُ مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِنَّ مُحَمَّدًا قَدْ ماتَ، وَمَنْ كَانَ يَعْبُدُ اللَّهَ فَإِنَّ اللَّهَ حَيٌّ لَا يَمُوتُ.⁸¹

Maksudnya: Rasulullah SAW telah wafat semasa Abū Bakr dalam perjalanan. Ismā'īl berkata, maksudnya al-‘Āliyah, maka Umar berdiri dan berkata, "Demi Allah, Rasulullah SAW tidak mati. Dia berkata, Dan Umar berkata: "Demi Allah, tidak terpendam dalam diriku melainkan perkara itu, dan semoga Allah membangkitkannya, dan dia benar-benar akan memotong tangan-tangan dan kaki mereka. Lalu Abū Bakr datang dan menyingkap Rasulullah SAW lalu dia mengucupnya dan berkata: "Semoga ayah dan ibuku menjadi tebusan untukmu, engkau mulia ketika hidup dan ketika mati dan demi jiwaku di tangannya, Allah SWT tidak akan membuatmu merasa dua kematian selama-lamanya. Kemudian dia keluar dan berkata, "Wahai orang yang bersumpah dengan utusan-utusanmu." Apabila Abū Bakr bercakap, 'Umar duduk, lalu Abū Bakr bertahmid kepada Allah dan memujiNya, dan berkata, bukankah sesiapa yang menyembah Muhammad, maka Muhammad telah mati, dan sesiapa yang menyembah Allah, sesungguhnya Allah Maha Hidup dan tidak akan mati."

Hadith ini merupakan potongan daripada sebuah hadith yang panjang riwayat al-Bukhāriy dalam *al-Sahīh* yang menceritakan keadaan bingung yang berlaku dalam kalangan umat Islam seusai kewafatan Nabi SAW sehingga turut mempengaruhi ‘Umar RA.

3. Hadith riwayat ‘Ā’isyah RA:

إِنْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيَتَعَدَّدُ فِي مَرَضِهِ: "أَيْنَ أَنَا الْيَوْمَ، أَيْنَ أَنَا غَدَاءً". اسْتِبْطَاءٌ لِيَوْمٍ عَائِشَةَ، فَلَمَّا كَانَ يَوْمِي، قَبَضَهُ اللَّهُ بَيْنَ سَخْرِيٍّ وَخَرِيٍّ، وَدُفِنَ فِي بَيْتِي.⁸²

Maksudnya: Apabila Rasulullah SAW meminta uzur ketika sakitnya: "Di mana aku hari ini, di mana aku esok?" minta dilambatkan bagi hari ‘Ā’isyah, apabila itu adalah hariku, Allah mengambil Baginda SAW antara dadaku dan leherku, dan Baginda SAW dikuburkan di rumahku.

Hadith ini menceritakan bahawa Rasulullah SAW wafat di rumah isterinya ‘Ā’isyah RA dan dikuburkan di rumahnya. Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhāriy dan Muslim dalam *al-Sahīhayn* melalui jalan Hisyām bin ‘Urwah, daripada ayahnya, daripada ‘Ā’isyah RA.⁸³ Lafaz ini diriwayatkan oleh al-Bukhāriy manakala lafaz Muslim tidak menyebutkan Baginda SAW dikebumikan di rumahnya. Hadith ini juga diriwayatkan oleh al-Bukhāriy melalui jalan Ibn Abī Mulaykah, daripada ‘Ā’isyah RA

⁸¹ Al-Bukhāriy, *Sahīh al-Bukhāriy*, j. 3, h. 1341.

⁸² Al-Bukhāriy, *Sahīh al-Bukhāriy*, j. 1, h. 468.

⁸³ *Ibid.* Muslim, *Sahīh Muslim*, j. 4, h. 1893.

di beberapa tempat yang lain yang turut menyebutkan bahawa ‘Ā’isyah RA membantu Rasulullah SAW bersiwak dengan beberapa perbezaan lafaz.⁸⁴

4. Hadith riwayat ‘Ā’isyah RA:

لَمَّا قُبِضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ احْتَلَفُوا فِي دَفْنِهِ، فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ: سَمِعْتُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَيْئًا مَا نَسِيْتُهُ، قَالَ: مَا قَبَضَ اللَّهُ تَبَيَّنَ إِلَّا فِي الْمَوْضِعِ الَّذِي يُحِبُّ أَنْ يُدْفَنَ فِيهِ، ادْفُنْهُ فِي مَوْضِعِ فِرَاشِهِ.

85

Maksudnya: Apabila Rasulullah SAW wafat, mereka berselisih pendapat tentang pengebumian Baginda SAW. Abū Bakr RA berkata, “Saya mendengar sesuatu daripada Rasulullah SAW, yang tidak saya lupakan. Baginda SAW bersabda, “Allah tidak mengangkat seorang Nabi melainkan di tempat yang dia ingin dikuburkan, kebumikan dia di tempat tidurnya.”

Hadith ini menceritakan bahawa ketika kewafatan Nabi SAW, Abū Bakr RA menghabarkan hadith Nabi SAW bahawa Allah SWT mewafatkan para Nabi AS di tempat yang ingin dikebumikan, lalu Baginda SAW dikebumikan di ruangan tidurnya. Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhiy dalam *al-Jāmi'* dan beliau mengatakan bahawa hadith ini *gharīb* manakala ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr adalah *da’if*.⁸⁶

Hadith ‘Ā’isyah RA ini terdapat *syāhid* daripada Ibn ‘Abbās RA yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah. Syu‘ayb al-Arnā’ūt et al. mengatakan bahawa hadith ini *sahīh li ghayrih* manakala sanad hadith tersebut *da’if*.⁸⁷ Hadith Ibn ‘Abbās RA ini juga diriwayatkan oleh Ibn Sa‘ad dalam *al-Tabaqāt*,⁸⁸ al-Balādhuriy dalam *Ansāb al-Asyrāf*,⁸⁹ al-Bazzār dalam *al-Musnad*,⁹⁰ Abū Ya‘lā dalam *al-Musnad*,⁹¹ al-‘Ājurriy dalam *al-Syarī‘ah*,⁹² dan lain-lain. Hadith ini juga terdapat *syāhid* daripada daripada hadith riwayat Mālik dalam *al-Muwaṭṭa'*, namun beliau meriwayatkannya secara *balāghāt*.⁹³ Melihat kepada *syāhid* hadith ini, pengkaji berpandangan bahawa hadith riwayat ‘Ā’isyah RA ini adalah *hasan li ghayrih* sementara hadith riwayat Ibn ‘Abbās RA pula adalah *sahīh li ghayrih* sebagaimana yang dinyatakan oleh Syu‘ayb al-Arnā’ūt.

5. Hadith riwayat ‘Ā’isyah RA:

أَنَّ أَبَا بَكْرٍ قَالَ لَهَا: فِي أَيِّ يَوْمٍ مَاتَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ؟ فَقَالَتْ: فِي يَوْمِ الْإِثْنَيْنِ.

Maksudnya: Bahawa Abū Bakr RA bertanya kepadanya (‘Ā’isyah RA), “pada hari apakah Rasulullah SAW meninggal dunia? Maka beliau berkata, “pada hari Isnin”

Hadith ini menceritakan bahawa Rasulullah SAW meninggal dunia pada hari Isnin. Hadith ini merupakan potongan daripada sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad dalam *al-Musnad*,⁹⁵ Abū

⁸⁴ Al-Bukhāriy, *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*, j. 3, h. 1129; j. 4, h. 1616 dan j. 4, h. 1617.

⁸⁵ Al-Tirmidhiy, *al-Jāmi' al-Kabīr*, j. 2, h. 327.

⁸⁶ *Ibid.*

⁸⁷ Ibn Mājah, *al-Sunan*, j. 2, h. 550.

⁸⁸ Ibn Sa‘ad, *al-Tabaqāt al-Kabīr*, j. 2, h. 255.

⁸⁹ Al-Balādhuriy, *Ansāb al-Asyrāf*, j. 1, h. 573.

⁹⁰ Al-Bazzār, *al-Baḥr al-Zakhkhar*, j. 1, h. 70.

⁹¹ Abū Ya‘lā, *Musnad Abī Ya‘lā*, j. 1, h. 55.

⁹² Al-‘Ājurriy, *al-Syarī‘ah*, j. 5, h. 2361.

⁹³ Mālik bin Anas, *Muwaṭṭa' al-Imām Mālik*, j. 2, h. 323.

⁹⁴ Ibn Ḥanbal, *Musnad*, j. 41, h. 465.

⁹⁵ *Ibid.*

Dāwūd al-Tayālisiy dalam *al-Musnad*,⁹⁶ Ibn Sa‘ad dalam *al-Tabaqāt*,⁹⁷ al-Balādhuriy dalam *Ansāb al-Asyrāf*,⁹⁸ Abū Ya‘lā dalam *al-Musnad*,⁹⁹ Ibn ‘Asākir dalam *Tārīkh Dimasyq*¹⁰⁰ dan lain-lain. Syu‘ayb al-Arnā’ūt et al. menyatakan bahawa sanad hadith ini adalah *sahīh* mengikut syarat Muslim. Ḥammād bin Salamah adalah perawi Muslim sementara baki perawi yang lain kesemuanya adalah perawi *al-Syaykhayn*.¹⁰¹

Analisis Fakta:

Peristiwa kewafatan Rasulullah SAW merupakan suatu duka cita dan ujian yang besar kepada seluruh umat Islam dan ini digambarkan oleh hadith pertama yang menyifatkan suasana ketika itu segalanya menjadi gelap. Hadith ini memiliki sanad yang *sahīh*. Hadith kedua riwayat al-Bukhāriy menyifatkan keadaan para sahabat RAH ketika itu yang kebingungan dan sukar menerima hakikat kewafatan Nabi SAW termasuklah ‘Umar al-Khaṭṭāb RA. Hadith ketiga menceritakan bahawa Rasulullah SAW wafat di rumah ‘Ā’isyah RA dan dikuburkan di rumahnya, dan hadith ini adalah *muttafaq ‘alayh*. Hadith keempat turut menyokong fakta bahawa Baginda SAW dikuburkan di rumah ‘Ā’isyah RA iaitu di tempat tidurnya, dan hadith ini adalah *sahīh li ghayrih* berdasarkan *syawāhid*. Hadith kelima memiliki sanad yang *sahīh* dan ia menyatakan bahawa Nabi SAW wafat pada hari Isnin.

Fakta-fakta berkaitan waktu dan tarikh kewafatan Nabi SAW, pengkaji tidak menemui riwayat yang *sahīh* tentangnya. Kebanyakan riwayat memiliki sanad yang terputus. Ibn Isḥāq mengatakan bahawa Rasulullah SAW wafat ketika waktu al-Duḥā hari tersebut iaitu hari Isnin.¹⁰² Baginda SAW dikebumikan pada pertengahan malam hari Rabu di bawah tempat tidur Baginda SAW.¹⁰³ Khalīfah bin Khayyāt pula mengatakan bahawa Rasulullah SAW wafat pada tahun kesebelas hijrah, pada hari Isnin 12 Rabī‘ al-Awwal, dan dikatakan juga 2 Rabī‘ al-Awwal, dan dikebumikan pada malam hari Rabu.¹⁰⁴

Al-Wāqidiy membawakan beberapa riwayat dengan sanadnya antaranya sebagaimana berikut: 1. Daripada Muḥammad bin Qays: Rasulullah SAW meninggal pada hari Isnin, 2 Rabī‘ al-Awwal tahun sebelas hijrah. 2. Daripada ‘Umar bin ‘Aliy bin Abī Tālib dan ‘Ā’isyah RA: Rasulullah SAW meninggal pada hari Isnin 12 Rabī‘ al-Awwal. 3. Daripada Muḥammad al-Akhnasiy: Rasulullah SAW wafat pada hari Isnin ketika matahari telah condong dan dikebumikan pada hari Rabu.¹⁰⁵

Al-Bayhaqiy dalam *Dalā'il al-Nubuwah* membawakan beberapa riwayat berkenaan kewafatan Nabi SAW. Antaranya adalah riwayat dengan sanad beliau daripada al-Awzā‘iy menyatakan bahawa Rasulullah SAW wafat pada hari Isnin pada bulan Rabī‘ al-Awwal, sebelum tengah hari, dan dikebumikan pada hari Selasa. Beliau juga membawakan riwayat dengan sanadnya daripada Ibn Jurayj menyatakan bahawa Rasulullah SAW meninggal pada waktu al-Duḥā pada hari Isnin, dan dikebumikan pada keesokan harinya pada waktu al-Duḥā hari Selasa. Beliau meriwayatkan daripada al-Zuhriy bahawa Rasulullah SAW meninggal ketika berumur 63 tahun.¹⁰⁶

Ibn Kathīr dalam *al-Bidāyah* menyatakan bahawa pendapat yang masyhur oleh *al-jumhūr* adalah Rasulullah SAW wafat pada hari Isnin dan dikebumikan pada malam hari Rabu.¹⁰⁷ Al-Dhahabiy dalam *Siyar A‘lām al-Nubalā'* mendatangkan riwayat-riwayat berkaitan kewafatan Nabi SAW, namun tidak melakukan *tarjīh* terhadap mana-mana pendapat.¹⁰⁸ Hasil penelitian ini pengkaji mendapati bahawa

⁹⁶ Al-Tayālisiy, *Musnad Abī Dāwūd al-Tayālisiy*, j. 3, h. 45.

⁹⁷ Ibn Sa‘ad, *al-Tabaqāt al-Kabīr*, j. 3, h. 185.

⁹⁸ Al-Balādhuriy, *Ansāb al-Asyrāf*, j. 10, h. 90.

⁹⁹ Abū Ya‘lā, *Musnad Abī Ya‘lā*, j. 6, h. 410.

¹⁰⁰ Ibn ‘Asākir, *Tārīkh Madīnah Dimasyq*, j. 30, h. 432.

¹⁰¹ Ibn Ḥanbal, *Musnad*, j. 41, h. 465.

¹⁰² Ibn Hisyām, *al-Sīrah al-Nabawiyah*, j. 4, h. 305.

¹⁰³ *Ibid*, j. 4, h. 315.

¹⁰⁴ Khalīfah bin Khayyāt, *Tārīkh Khalīfah bin Khayyāt*, h. 94.

¹⁰⁵ Ibn Sa‘ad, *al-Tabaqāt al-Kabīr*, j. 2, h. 237-238.

¹⁰⁶ Al-Bayhaqiy, *Dalā'il al-Nubuwah*, j. 7, h. 256.

¹⁰⁷ Ibn Kathīr, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, j. 8, h. 152.

¹⁰⁸ Al-Dhahabiy, *Siyar A‘lām al-Nubalā'*, j. al-Sīrah 2, h. 471-474.

pendapat yang dikemukakan dalam fakta merupakan pendapat yang masyhur iaitu Nabi SAW wafat pada waktu al-Duḥā, hari Isnin, 12 Rabī' al-Awwal tahun kesebelas hijrah dan dikebumikan pada hari Rabu, dan ini merupakan aspek yang dibenarkan bersikap *tasāhul* menurut *muḥaddithīn*.

Rumusan:

Fakta yang menyebutkan tentang berita duka dan peristiwa menggemparkan berkaitan kewafatan Nabi SAW digambarkan oleh hadith-hadith yang *sahīh*. Begitu juga kewafatan dan pemakaman Baginda SAW di rumah ‘Ā’isyah RA. Fakta berkaitan tarikh kewafatan Nabi SAW tidak dinyatakan oleh mana-mana riwayat yang *sahīh* manakala meninggalnya Nabi SAW pada waktu Dhuha hari Isnin 12 Rabī' al-Awwal, tahun 11 hijrah merupakan pandangan yang masyhur.

KESIMPULAN

Analisis status fakta sirah berkaitan kelahiran dan kewafatan Nabi SAW dalam buku teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu berdasarkan manhaj *muḥaddithīn* telah menghasilkan beberapa dapatan yang boleh dirumuskan. Bagi fakta yang berkaitan dengan kelahiran Nabi SAW dapatlah dijelaskan bahawa tidak terdapat dalil yang sahih tentang tarikh kelahiran Nabi SAW. Sementara tarikh kelahiran Nabi SAW pada 12 Rabī' al-Awwal merupakan pendapat yang masyhur. Fakta tentang Nabi SAW dilahirkan pada tahun Gajah disokong oleh hadith dengan sanad yang sahih. Selain itu, ia merupakan fakta yang disepakati. Kelahiran Nabi SAW di Makkah pula tidak disokong oleh mana-mana hadith yang *sahīh*, namun disepakati oleh para ulama walaupun terdapat perbezaan pendapat tentang tempat kelahiran tersebut secara terperinci.

Bagi fakta yang berkaitan dengan kewafatan Nabi SAW, iaitu mengenai berita duka dan peristiwa menggemparkan berkaitan kewafatan Nabi SAW telah digambarkan oleh hadith-hadith yang *sahīh*. Begitu juga kewafatan dan pemakaman Baginda SAW di rumah ‘Ā’isyah RA. Fakta berkaitan tarikh kewafatan Nabi SAW tidak dinyatakan oleh mana-mana riwayat yang *sahīh* manakala meninggalnya Nabi SAW pada waktu al-Duḥā hari Isnin 12 Rabī' al-Awwal, tahun 11 hijrah merupakan pandangan yang masyhur. Secara umumnya dapatlah dikatakan bahawa fakta-fakta berkaitan kelahiran dan kewafatan Nabi SAW adalah berasaskan hadith-hadith yang sahih, pandangan yang masyhur, fakta yang disepakati selain fakta yang tidak disokong oleh mana-mana hadith yang sahih.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Laṭīf, ‘Abd al-Syāfi’ Muḥammad (2008). *Al-Ṣīrah al-Nabawiyyah wa al-Tārīkh al-Islāmiy*, Kaherah: Dār al-Salām.
- Abū Dāwūd, Sulaymān bin al-Asy’ath al-Azdiy al-Sijistāniy (2009). *Sunan Abī Dāwūd*, Syu’ayb al-‘Arna’ūt (t.), Dār al-Risālah al-‘Ālamiyah.
- Abū Syahbah, Muḥammad bin Muḥammad (1992). *Al-Ṣīrah al-Nabawiyyah fī Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, Damsyik: Dār al-Qalam.
- Aḥmad Jabar Mazhar, ‘Abd al-Ghaniy (1996). *Al-Uṣūl al-Āmmah li Manāhij al-Muhaddithīn*, Riyād: Jāmi’ah al-Malik Su’ūd.
- Al-‘Ājurriy, Muḥammad bin al-Ḥusayn (1999). *Al-Syarī’ah*, ‘Abdullāh bin ‘Umar (t.), Riyadh: Dār al-Waṭan.
- Al-Albāniy, Muḥammad Nāṣir al-Dīn (2002). *Silsilah al-Āḥādīth al-Ṣāḥīḥah wa Syay’ min Fiqhīhā wa Fawā’idihā*, Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif.
- Al-‘Asqalāniy, Aḥmad bin ‘Aliy bin Ḥajar (2000). *Taqrīb al-Tahdhīb*, Abū al-Asybāl Ṣaghīr (t.), Riyadh: Dār al-‘Āsimah.
- Al-‘Asqalāniy, Aḥmad bin ‘Aliy bin Ḥajar (2014). *Tahdhīb al-Tahdhīb*, Ibrāhīm al-Zībaq dan ‘Ādil Mursyid (t.), Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Al-A’ẓamīy, Muḥammad Muṣṭafā (1990). *Manhaj al-Naqd ‘inda al-Muhaddithīn*, Arab Saudi: Maktabah al-Kawthar,
- Al-Azraqiy, Muḥammad bin ‘Abdullāh bin Aḥmad (1983). *Akhbar Makkah*, Rusydiy al-Şālih Malhas (t.), Beirut: Dār al-Andalus.
- Al-Balādhuriy, Aḥmad bin Yaḥyā bin Jābir (1996). *Ansāb al-Asyrāf*, Suhayl Zukār dan Riyād Zarkaliy (t.), Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Bayhaqiy, Aḥmad bin al-Ḥusayn (1988). *Dalā’il al-Nubuwah wa Ma’rifah al-Āhwāl Ṣāhib al-Syarī’ah*, ‘Abd al-Mu’tiy Qal’ajiy (t.), Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bazzār, Aḥmad bin ‘Amr (1988). *Al-Bahr al-Zakhkhar*, Maḥfūz al-Rahmān Zaynullāh (t.), Madinah: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Hikam.
- Al-Bukhāriy, Muḥammad bin Ismā’īl (1993). *Ṣāḥīḥ al-Bukhāriy*, Muṣṭafā Dīb al-Bughā (t.), Damsyik: Dār Ibn Kathīr.
- Al-Bustiy, Muḥammad bin Ḥibbān bin Ahmad al-Tamīniy (2012). *Ṣāḥīḥ Ibn Ḥibbān: al-Musnad al-Ṣāḥīḥ ‘alā al-Taqāsīm wa al-Anwā’*, Muhamad ‘Aliy Sunmaz, Khāliṣ ‘Āyi Damīr (t.), Beirut: Dār Ibn Hazam.
- Al-Būtiy, Muhamad Sa’īd Ramaḍān (2004), *Fiqh al-Ṣīrah al-Nabawiyah*. Kaherah: Dār al-Salām.
- Al-Dhahabiy, Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān (1963). *Mīzān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl*, ‘Aliy Muḥammad al-Bajāwiy (t.), Beirut: Dār al-Ma’rifah.
- Al-Dhahabiy, Shams al-Dīn Muḥammad (1982). *Siyar A’lām al-Nubalā’*, Basisyār ‘Awwād Ma’rūf (t.), Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Al-Dhahabiy, Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān (2003). *Tārīkh al-Islām wa Wafayāt al-Masyāhīr wa al-A’lām*, Basisyār ‘Awwād Ma’rūf (t.), Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmiy.
- Al-Dimasyqiyy, Muhamad bin Aḥmad bin ‘Abd al-Hādiy (1996). *Tabaqāt ‘Ulamā’ al-Hadīth*, Akram al-Būsiyy dan Ibrāhīm al-Zaybaq (t.), Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Al-Ḥākim al-Naysābūriy, Muhamad bin ‘Abdullāh (2002). *Al-Mustadrak ‘ala al-Ṣāḥīhayn*, Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Atā (t.), Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ḥākim al-Naysābūriy, Muhamad bin ‘Abdullāh (2003). *Ma’rifah ‘Ulūm al-Hadīth wa Kamiyyah Ajnāsih*, Aḥmad bin Fāris al-Salūm (t.). Beirut: Dār Ibn Hazm.
- Al-Ḥumyariy, Mālik bin Anas bin Mālik (2004). *Muwaṭṭa’ al-Imām Mālik*, Muḥammad Muṣṭafā al-‘A’ẓamīy (t.), Abu Dhabi: Mu’assasah Zāyed bin Sultān ‘Āli Nahyān.
- Al-Ja’bāriy, Ibrāhīm bin ‘Umar bin Ibrāhīm (2000). *Rusūm al-Tahdīth fī ‘Ulūm al-Hadīth*, Ibrāhīm bin Syarīf al-Mayliy (t.), Beirut: Dār Ibn Hazm.
- Al-Juraqāniy, al-Ḥusayn bin Ibrāhīm (2002). *Al-Abātīl wa al-Manākīr wa al-Sihāh wa al-Masyāhīr*, ‘Abd al-Rahmān bin ‘Abd al-Jabbār (t.), Riyadh: Dār al-Şamī’iy.
- Al-Jawziyyah, Muḥammad bin Abī Bakr bin Ayyūb Ibn Qayyim (2019). *Zād al-Ma’ād fī Hadyi Khayr al-‘Ibād*, Nabīl bin Naṣṣār al-Sindiy (t.), Beirut: Dār Ibn Hazm.

- Al-Mālikiy, Muhammad bin al-Farj al-Qurṭubiy (2005). *Aqdiyah Rasūlillāh Ṣallallāh ‘Alayh wa Sallam*, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyyah.
- Al-Mawṣiliyy, Abū Ya‘lā Aḥmad bin ‘Aliy bin al-Muthannā (2013). *Musnad Abī Ya‘lā al-Mawṣiliyy*, Sa‘īd bin Muḥammad al-Sunārī (t.), Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- Al-Mubārakfūriyy, Safiyy al-Rahmān (2007). *Al-Rahīq al-Makhtūm*, Qatar: Wizārah al-Auqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah.
- Al-Naysābūriyy, Muslim bin al-Hajjāj (1991). *Ṣaḥīḥ Muslim*, Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqiy (t.), Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Safadiyy, Ṣalāḥuddin Khalīl bin Aybak (2000). *Al-Wāfi bi al-Wafayāt*, Aḥmad al-‘Arna’ūt dan Turkiy Muṣṭafā (t.), Beirut: Dār ‘Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabiyyah.
- Al-Salmiy, Muḥammad bin Ṣāmil (2008). *Manhaj Kitābah al-Tārīkh al-Islāmiy*, Riyadh: Dār Ibn al-Jawziyy.
- Al-Sibā‘iy, Muṣṭafā (1985). *Al-Sīrah al-Nabawiyah: Durūs wa ‘Ibar*, Beirut: Al-Maktab al-Islāmiy.
- Al-Tahāwiyy, Ahmad bin Muḥammad (1994). *Syarḥ Musykil al-Āthār*, Syu‘ayb al-‘Arna’ūt (t.), Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Al-Tayāliyy, Sulaymān bin Dāwūd bin al-Jārūd (1999). *Musnad Abī Dāwūd al-Tayāliyy*, Muḥammad bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkī (t.), Mesir: Dār Hijr.
- Al-Tirmidhiyy, Muḥammad bin ‘Isā (1996). *Al-Jāmi‘ al-Kabīr*, Basysyār ‘Awwād Ma‘rūf (t.), Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmiy.
- Al-‘Umariyy, Akram Ḏiyā’ (1994). *Al-Sīrah al-Nabawiyah al-Ṣaḥīḥah*, Madinah: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Hikam.
- Al-‘Uṣfuriyy, Khalīfah bin Khayyāt (1967). *Kitāb al-Tabaqāt*, Akram Ḏiyā’ al-Al-‘Umariyy (t.), Baghdad: Maṭba‘ah al-‘Āniy.
- Al-‘Uṣfuriyy, Khalīfah bin Khayyāt (1985). *Tārīkh Khalīfah bin Khayyāt*, Akram Ḏiyā’ al-‘Umariyy (t.), Riyadh: Dār al-Taybah.
- Bakr bin ‘Abdullāh (1987). *Tabaqāt al-Nassābīn*, Riyadh: Dār al-Rusyd.
- Ibn Ḥanbal, Aḥmad bin Muḥammad (2001). *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, Syu‘ayb al-‘Arna’ūt et al. (t.), Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Ibn ‘Abd al-Barr, Yūsuf bin ‘Abdullāh bin Muḥammad (1992). *al-Istī‘āb fī Ma‘rifah al-Āshāb*, ‘Aliy Muḥammad al-Bajāwiyy (t.), Beirut: Dār al-Jayl.
- Ibn ‘Asākir, ‘Aliy bin al-Ḥasan (2000). *Tārīkh Madīnah Dimasyq*, ‘Umar bin Gharāmah al-‘Amrawiy (t.), Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Hisyām, ‘Abd al-Malik (2009). *Al-Sīrah al-Nabawiyah li Ibn Hisyām*, Beirut: Dār Ibn Hazm.
- Ibn Hisyām, ‘Abd al-Mālik bin Hisyām (1990). *Al-Sīrah al-Nabawiyah li Ibn Hisyām*, ‘Umar ‘Abd al-Salām Tadmuriyy (t.), c. 3, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyyah.
- Ibn Kathīr, Ismā‘il bin ‘Umar (1997). *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, Beirut: Dār Hijr.
- Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd al-Qazwayniy (2009). *Al-Sunan*, Syu‘ayb al-‘Arna’ūt (t.), Beirut: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyah.
- Ibn Sa‘ad, Muḥammad bin Sa‘ad bin Manī‘ al-Zuhriy (2001). *Kitāb al-Tabaqāt al-Kabīr*, ‘Aliy Muḥammad ‘Umar (t.), c. 1, Kaherah: Maktabah al-Khānijiyah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan Satu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Salīm, ‘Amr ‘Abd al-Mun‘im (2009). *Taysīr Takhrīj al-Āḥādīt li al-Mubtadi‘īn*. Riyadh: Dār Ibn al-Qayyim, h. 12.
- Youtube, <https://www.youtube.com>, 11 May 2015.